



unesco

Malaysian
National Commission

GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN SUMBANGAN SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA (SKUM)

LATAR BELAKANG

1. Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) telah ditubuhkan pada 7 Julai 1966 selaku titik rujukan dan penghubung di antara Malaysia selaku anggota UNESCO dengan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tersebut terutamanya dalam memajukan bidang pendidikan, sains, kebudayaan, komunikasi dan informasi di peringkat nasional dan serantau. Urus Setia SKUM bertempat di Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia. SKUM turut dianggotai oleh sepuluh (10) Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) berdasarkan portfolio Kementerian dan Jabatan yang menerajui JKT-JKT yang ditubuhkan berdasarkan bidang kompetensi UNESCO.

2. SKUM selaku titik rujukan kebangsaan UNESCO di Malaysia berperanan dalam menggalakkan penyertaan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan di Malaysia dalam melaksanakan program dan aktiviti berteraskan bidang kompetensi dan keutamaan UNESCO di peringkat kebangsaan. Ini termasuklah mempromosikan matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) menjelang tahun 2030 (<http://en.unesco.org/sdgs>) di mana UNESCO terlibat dalam pelaksanaan SDG yang berkaitan dengan pendidikan, sains, sains sosial, komunikasi dan kebudayaan.

GERAN SUMBANGAN SKUM (GSS)

3. Program Geran Sumbangan SKUM (GSS) merupakan program tahunan oleh SKUM di mana SKUM menyalurkan sumbangan kewangan (*seed fund*) bagi pelaksanaan aktiviti, program atau projek berkaitan bidang kompetensi dan keutamaan UNESCO di peringkat Kebangsaan. Permohonan bagi mendapatkan sumbangan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan pertimbangan SKUM.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

4. Semua permohonan perlu menepati syarat-syarat berikut:
 - (i) keutamaan permohonan diberikan kepada *non-governmental organisation* (NGO), *civil society organisation* (CSO) serta persatuan/kelab berkaitan UNESCO seperti ASPnet, Kelab UNESCO, UNESCO Chair dan lain-lain;
 - (ii) permohonan dibuat melalui JKT SKUM, mengikut **skop bidang tugas** kementerian tersebut (rujuk LAMPIRAN - Jadual 1). Sebagai contoh, program yang berkaitan bidang pendidikan perlulah melalui JKT Pendidikan sebagai *focal point*;
 - (iii) program berasaskan **penyelidikan persendirian** adalah **tidak dibenarkan**;
 - (iv) pemohon wajib menyatakan secara khusus **pencapaian SDG terlibat** (contoh: SDG 4, SDG Target 4.7, SDG Indicator 4.7.1) terutamanya yang berkaitan dengan bidang kompetensi UNESCO;
 - (v) keutamaan permohonan adalah kepada program yang mempunyai impak jangka masa panjang dan penglibatan masyarakat;
 - (vi) tempoh program yang dipohon adalah tidak melebihi 6 bulan;
 - (vii) program yang dipohon perlu menyatakan dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan (sekiranya ada);
 - (viii) pemohon perlu mengemukakan profil pertubuhan/institusi serta maklumat tambahan (sekiranya berkaitan);
 - (ix) mengemukakan salinan penyata bank (yang telah disahkan) bagi tujuan penyaluran peruntukan. **Penyata bank persendirian adalah tidak dibenarkan**; dan
 - (x) permohonan perlu menggunakan format Borang Permohonan yang telah disediakan dan disokong oleh JKT yang berkaitan. Kertas kerja yang **tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan**.

5. Permohonan peruntukan program **tidak melibatkan** perkara berikut:
 - (i) pembelian aset dan projek infrastruktur;
 - (ii) pembayaran emolumen (contoh: elaun Pembantu Penyelidik, enumerator dll);
 - (iii) tuntutan perjalanan dan penginapan;
 - (iv) hadiah pertandingan dan bayaran saguhati peserta; serta
 - (v) perkara-perkara lain yang tidak bersesuaian dengan program yang ingin dilaksanakan.

6. Nilai peruntukan program yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penilai boleh berkurangan daripada nilai peruntukan yang dipohon berdasarkan kesesuaian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

7. Semua permohonan perlu **dikemukakan kepada JKT SKUM** yang berkaitan dengan kompetensi program **selewat-lewatnya pada 28 Januari 2022 (Jumaat), jam 5.00 petang** dan **disalinkan kepada SKUM** (emel: skum.bha@moe.gov.my) untuk tujuan rekod.

PELAKSANAAN PROGRAM

8. Permohonan program yang diluluskan perlu dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dikemukakan dalam permohonan.

9. Program wajib menggunakan logo rasmi SKUM dan mematuhi syarat seperti berikut:

- (i) logo lengkap perlu digunakan bersama dan tiada pengubahsuaian dibenarkan;
- (ii) logo rasmi SKUM hanya boleh digunakan selepas pemohon menerima pemakluman kelulusan secara bertulis daripada SKUM dan tamat pada tarikh akhir program seperti dinyatakan dalam Borang Permohonan;
- (iii) kebenaran penggunaan logo rasmi SKUM yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad dan dinyatakan secara bertulis;
- (iv) penggunaan logo rasmi SKUM pada sijil penyertaan / penghargaan tertakluk kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat korporat, NGO dan badan-badan lain yang dinyatakan seperti dalam Borang Permohonan sahaja. Bagi program yang dijalankan oleh pihak luar tanpa kelulusan daripada SKUM, penggunaan logo rasmi SKUM di sijil penyertaan / penghargaan **tidak dibenarkan** sama sekali;
- (v) logo rasmi SKUM **tidak dibenarkan** untuk digunakan bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada pihak pemohon; dan
- (vi) SKUM berhak **mengambil tindakan** ke atas mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo rasmi SKUM dan penggunaan logo yang tidak mendapat kelulusan.

10. Menghantar Laporan Program (beserta gambar dan impak/ hasil pelaksanaan) serta laporan kewangan **dalam tempoh 14 hari selepas program selesai kepada SKUM**. Kegagalan menghantar laporan dalam tempoh masa ditetapkan akan menyebabkan permohonan akan datang **TIDAK** akan dipertimbangkan.

KEPUTUSAN PERMOHONAN

11. Keputusan permohonan dan jumlah peruntukan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD**.
12. Senarai permohonan yang diluluskan akan diumumkan menerusi laman web rasmi SKUM (<https://unesco.org.my/v2/>).
13. Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan kepada:

Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Aras 7, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
No. Telefon: 03 - 8884 6109
No. Faks: 03 – 8889 5473
Emel: skum.bha@moe.gov.my


Disediakan oleh:

SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA (SKUM)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
5 OGOS 2021

Rajah 1: Carta Alir Permohonan Geran Sumbangan SKUM (GSS)

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



Jadual 1: Senarai Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) SKUM

Nama	Jawatan	Alamat Emel	No. Telefon
JKT Sains – Kem. Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Bahagian Antarabangsa			
En. Teoh Phi Li	SUB (A)	teoh@mosti.gov.my	03-8885 8037
Pn. Haslinda binti Abdul Razak	KPSU	haslinda@mosti.gov.my	03-8885 8205
En. Nurulah Ernesto bin Kennedy	PSU	nurulahernesto@mosti.gov.my	03-8885 8224
JKT Kebudayaan – Kem. Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan			
JKT Kebudayaan MOTAC	-	skum.jktkebudayaan@gmail.com	-
YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin	SUB (HAK)	christina@motac.gov.my	03-8891 7518
En. Surya Kumar A/L Subramaniam	KPSUK (HAK)	suryakumar@motac.gov.my	03-8891 7536
En. Sivanewaran a/l Goval Krishnan	PSUK (HAK) 3	sivanewaran@motac.gov.my	03-8891 7500
JKT Komunikasi – Kem. Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Bahagian Antarabangsa			
Bahagian Antarabangsa	-	international@kkmm.gov.my	-
En. Mano Verabathran	SUB (A)	mano@kkmm.gov.my	03-8911 5651
Pn. Afiza binti Mohd Salleh	KPSU (B)	afiza@kkmm.gov.my	03-8911 5978
Pn. Nurul Izzati binti Zainal Abidin	PSUK (B)	izzati@kkmm.gov.my	03-8911 5982
JKT Sains Sosial – Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Bahagian Hubungan Antarabangsa			
En. Satish a/l Ranggayah	SUB (A)	satishr@kpwkm.gov.my	03-8323 1400
Pn. Azrina binti Aznan	KPSU	azrina@kpwkm.gov.my	03-8323 1402
En. Ang Cheng Liang	PSU	acliang@kpwkm.gov.my	03-8323 1408
Pn. Nur Farhana binti Luk	PSU	nurfarhana@kpwkm.gov.my	03-8323 1405
JKT Belia dan Sukan – Kem. Belia Dan Sukan (KBS), Bahagian Hubungan Antarabangsa			
Pn. Nur Nazirah binti Md. Joha	SUB	nazirah@kbs.gov.my	03-8871 3628
Pn. How Sin Meun	PSUK (A) 1	sinmeun@kbs.gov.my	03-8871 3745
JKT Pendidikan – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan			
YBrs. Dr. Hajah Roziah binti Abdullah	Pengarah	drrozhiah@moe.gov.my	03-8884 6291
Pn. Noor Hayati binti Uteh	KPP	hayati.utah@moe.gov.my	03-8884 6338
En. Nor Hisham bin Ismail	KPP	norhisham.ismail@moe.gov.my	03-8884 6428
JKT Pendidikan Tinggi - Kem. Pengajian Tinggi (KPT), Bahagian Hubungan Antarabangsa			
YBhg. Datin Noorazah binti Omar	SUB	aza@mohe.gov.my	03-8870 5371
Pn. Noorfazlina binti Mohd Shahid	KPSU	fazlina.shahid@mohe.gov.my	03-8870 6243
JKT Hubungan Luar – Kem. Luar Negeri (KLN), Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan			
Pn. Murni binti Abdul Hamid	SUB (HAK)	murni@kln.gov.my	-
En. Mohammad Al Hafiz bin Mohd Nadzir	KPSU	alhafiznadzir@kln.gov.my	03-8887 4369
Pn. Ili Amirah binti Sulaiman	PSU	iliamirah@kln.gov.my	03-8887 4495
JKT Sumber Asli – Kem. Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa			
Bah. Perancangan Strategik & Antarabangsa	-	bpsa@ketsa.gov.my	-
En. Khairulnizam bin Hashim	SUB	khairulnh@ketsa.gov.my	03-8886 1612
Pn. Barathi a/p Muniyandi	KPSU (A)	barathi.ms@ketsa.gov.my	03-8886 1507
JKT Alam Sekitar dan Air – Kem. Alam Sekitar dan Air (KASA), Unit Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa			
En. Rosmahyuddin bin Baharuddin	Ketua Unit	rosmahyuddin@kasa.gov.my	03-8091 7159
En. Mohamad Asfia bin Adenan	PSU (2)	asfia@kasa.gov.my	03-8091 7166
Pn. Sarah Kamelah binti Samsunar	PSU (4)	sarah@kasa.gov.my	03-2091 7243